KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

NUKLEAR MALAYSIA

TARIKH	JUMAAT, 5 OGOS 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PERDANA MENTERI, KSN DIMINTA CAMPUR TANGAN
M/S	8
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Isu KPPA didakwa keluar kata-kata kesat

Perdana Menteri, KSN diminta campur tangan

CUEPACS gesa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mohon maaf

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) mendesak kerajaan campur tangan dalam isu membabitkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah, yang didakwa mengeluarkan kata-kata kesat terhadap seorang pegawai kanan Jabatan Imigresen.

Presidennya, Datuk Adnan Mat, berkata badan itu turut menuntut KPPA memohon maaf atas tindakan didakwa berlaku di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), pagi kelmarin.

Beliau berkata, seorang pegawai tertinggi kerajaan sewajarnya menunjukkan teladan baik kepada pegawai bawahan mereka dan bukan sebaliknya.

Jejas imej pegawai perkhidmatan awam

"Adalah amat malang jika seseorang pegawai tertinggi dalam kerajaan memerlukan layanan bertaraf VVIP, sedangkan beliau harus menyantuni pegawai kita dengan bijaksana dan memahami tugasan mereka di lapangan, bukannya memalukan pegawai terbabit di depan khalayak ramai seperti didakwa Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung (KPISM).

"Dengan mengambil prinsip sebagai sebuah Keluarga Malaysia seperti dilaungkan Perdana Menteri (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob), ia seolah-olah tidak dihayati dan diamalkan pegawai tertinggi kerajaan ini, malah boleh menjejaskan imej pegawai perkhidmatan awam.

"Justeru, CUEPACS berharap Perdana Menteri dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali dapat mengambil tindakan segera demi menjaga kebajikan serta mengekalkan keharmonian dalam kalangan penjawat awam, seterusnya memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara tanpa mengira kedudukan serta latar belakang mereka," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kelmarin, KPISM dalam satu kenyataan menyatakan rasa terkilan dengan tindakan KPPA yang didakwa menengking dan mengeluarkan kata-kata kesat terhadap pegawai imigresen terbabit.

Bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam kenyataannya awal pagi semalam, menafikan tuduhan terhadap KPPA, sebaliknya Mohd Shafiq hanya membuat teguran terhadap imigresen khususnya Ketua Penolong Penguasa Imigresen, James Lee, berhubung ketidakpatuhan amalan dan prosedur.

Adnan berkata, sebelum ini, sebuah kerajaan negeri pernah mengambil tindakan kurang wajar dengan memberikan penyapu kepada penjawat awam pada satu majlis, yang menimbulkan rasa kurang senang masyarakat.

"Kita tidak mahu pegawai yang tidak dapat menghayati falsafah dan mengamalkan semangat Keluarga Malaysia berada dalam perkhidmatan awam.

"Perkhidmatan awam mesti bergerak berdasarkan nilai yang disemai dalam gagasan itu," katanya.

Sementara itu, ahli Parlimen pembangkang menggesa kerajaan memberi penjelasan isu membabitkan KPPA dan KPISM.

Ahli Parlimen Pulai, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, penjelasan oleh menteri bertanggungjawab perlu memandangkan isu itu sudah tular, selain ia menjatuhkan imej dan reputasi jabatan kerajaan.

Tampil beri penjelasan

"Saya rasa Parlimen harus mendapat penerangan kerana ia sudah dilaporkan secara viral dalam media sosial dan media arus perdana.

"Sudah ada kenyataan daripada pihak JPA dan dibalas pula oleh KPISM menyatakan kesal terhadap sikap kasar KPPA dan tidak sepatutnya melakukan perkara itu.

"Ini nama baik JPA dan pegawainya, menteri di Jabatan Perdana Menteri harus tampil dalam dewan untuk memperjelaskan bagi mengelak tanggapan salah dan maklumat tidak tepat dihebahkan kepada orang ramai," katanya pada sidang Dewan Rakyat, semalam.

Khalid Abdul Samad (PH-Shah Alam) pula mempersoalkan keabsahan kenyataan balas dikeluarkan JPA tanpa ditandatangani, yang antara lain menafikan insiden berkenaan.

"Menteri perlu keluar kenyataan isu ini, ia perkara amat memalukan," katanya.

Nga Kor Ming (PH-Teluk Intan) pula menggesa tindakan disiplin dikenakan terhadap pegawai tertinggi kerajaan bagi mengelak insiden sama berulang.

> "Adalah amat malang jika seseorang pegawai tertinggi dalam kerajaan memerlukan layanan bertaraf VVIP, sedangkan beliau harus menyantuni pegawai kita dengan bijaksana dan fahami tugasan mereka di lapangan"

Adnan Mat, Presiden CUEPACS

DISEDIAKAN OLEH	**1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM** **2-CARLOS LINTON (S19), BPM** UNIT PERPUSTAKAAN, BPM